

IM PILIH 30A 8 (e-mel)

Banci penduduk 2010

Jawab di Internet

>>Oleh Syarifah Dayana
Syed Bakri

dayana@metro.com.my

PUTRAJAYA: Buat pertama kalinya, banci penduduk dan perumahan Malaysia pada tahun ini memberi kemudahan kepada penduduk menjawab soal selidik secara dalam talian.

Bagaimanapun, bancian secara dalam talian itu hanya untuk penduduk di kawasan bandar dan kaedah biasa iaitu temuramah di kediaman masing-masing masih dijalankan.

Pesuruhjaya Banci, Datuk Wan Ramlah Wan Abd Raof, berkata kaedah bancian secara dalam talian diwujudkan berikutan kehidupan penduduk di bandar yang agak sibuk dan mungkin enggan diganggu.

"Melalui kaedah ini, pembanci masih perlu datang ke rumah penduduk dan memberikan kit banci yang dilengkapi pelbagai maklumat dan arahan termasuk soalan untuk kaji selidik serta kata laluan untuk bancian secara



FOTO 1 David Khoo

RASMI...Wan Ramlah bersama Nor Mohamed Yakcop melihat poster Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010, semalam.

dalam talian," katanya.

Menurutnya, hasil kaedah berkenaan, peratusan kerjasama penduduk dijangka meningkat berikutan sebab ini mendapati hampir lima peratus gagal memberikan maklumat.

"Namun, kami yakin dengan penggunaan kaedah dalam talian, lebih ramai penduduk akan memberikan kerjasama serta bancian dapat dilakukan dengan lebih tepat," katanya pada Majlis

Bersama Media Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010, di sini, semalam yang dirasmikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Menurut Wan Ramlah, untuk bancian yang diadakan tahun ini seramai 26,000 pembanci sambilan dan 3,000 penyelia sambilan akan menjalankan tugas bermula 6 Julai hingga 22 Ogos nanti.

"Orang ramai tidak perlu bimbang soal keselamatan

ketika bancian dijalankan berikutan semua petugas banci mempunyai kad kuasa," katanya.

Wan Ramlah berkata, bancian bukan saja dijalankan ke atas rakyat Malaysia, namun ia turut dijalankan di kalangan warga asing yang menetap di negara ini.

"Mengikut jangkaan awal, terdapat 9 juta kediaman akan dibanci dengan jumlah isi rumah sebanyak 29 juta penduduk. Daripada jumlah berkenaan 7.5 peratus adalah warga asing.

"Bancian kali ini juga akan dijalankan ke atas warga asing yang tinggal dalam tempoh enam bulan atau lebih di sesuatu kawasan itu," katanya.

Menurutnya, melalui bancian yang dijalankan, antara maklumat yang akan dikumpul berkaitan tempat kediaman, isi rumah dan butir perseorangan malah semua maklumat adalah rahsia.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat berkaitan bancian boleh melayari www.statistics.gov.my atau hubungi 1-800-88-7828.